



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 13 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	NELAYAN TUMPAT DAPAT BANTUAN LKIM, NEGERI, MINGGUAN AMANAH -26 NELAYAN WAJAR SAMBUT PELUANG DILINDUNGI PERKESO, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	MARATON ANTARABANGSA BAKAL ANGKAT JENAMA KADA, SINAR NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -35	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4. 5. 6. 7.	SAMPAIKAN SELUAS MUNGKIN SIRI KEJAYAAN KERAJAAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3 JAMIN BEKALAN MAKANAN TETAP ADA JIKA DILANDA KRISIS, NASIONAL, SH -12 LEWAT AGIH SUBSIDI PESAWAH RUGI RM4.5 JUTA, NASIONAL, HAKAKAH -N6 POLITIK KOTOR PAN DAN MENTERI PERTANIAN, NASIONAL, HAKAKAH -N19	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2020	MINGGUAN AMANAH	NEGERI	26

# Nelayan Tumpat dapat bantuan LKIM

**SERAMAI** 208 nelayan di Tumpat, Kelantan yang terjejas akibat musim tengkujuh menerima bantuan berbentuk barangan dapur daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pengerusi LKIM, Faiz Fadzil turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM153,000 kepada waris nelayan yang telah meninggal dunia semasa menangkap ikan di laut pada awal tahun lalu.

## Nelayan wajar sambut peluang dilindungi Perkeso

**LEMBAGA** Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap golongan nelayan akan menyambut peluang untuk melindungi diri dan keluarga sekiranya kerajaan bersetuju memperluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri meliputi golongan itu.

Pengerusinya Muhammad Faiz Fadzil berkata cadangan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) itu masih di peringkat perbincangan dan dijangka dimuktamadkan tidak lama lagi.

"Dalam masa sama, peranan Perkeso dalam melindungi warga kerja di negara ini dapat diperluaskan dan manfaat dapat dirasakan seluruh rakyat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan Musim Tengkujuh Nelayan Tumpat, di sini 4 Januari lalu.

Seramai 200 nelayan di daerah Tumpat menerima sumbangan berbentuk bahan makanan asas termasuk beras, minyak dan gula yang merupakan sebahagian daripada khidmat sosial LKIM dalam membantu meringankan kos sara hidup nelayan semasa musim tengkujuh.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada pembentangan Belanjawan 2020 mengumumkan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri oleh PERKESO akan diperluaskan bagi membolehkan caruman kepada 18 kumpulan bekerja sendiri seperti nelayan, petani, pemilik tunggal dan perkongsian.

Pada majlis sama, Muhammad Faiz menyerahkan replika cek RM153,000 kepada Maznah Yacob, 40, balu Allahyarham Lazim Yusof, nelayan yang maut setelah bot yang dinaiki terbalik semasa dalam perjalanan pulang dari menangkap ikan pada 27 Mac tahun lalu.



**Faiz Fadzil**

Muhammad Faiz berkata, buat masa ini, 70 peratus nelayan yang mendapat bantuan elaun sara hidup daripada LKIM mengambil perlindungan insurans manakala 30 peratus lagi yang tiada bantuan sara hidup tidak dilindungi insurans.

"Setiap nelayan yang menerima elaun sara hidup dipotong RM100 setahun untuk membayar skim insurans yang diambil. Antara lain caruman itu membolehkan mereka dan keluarga mendapat bantuan sekiranya berlaku kematian, kemalangan di laut, kecederaan serta bot dan peralatan menangkap ikan rosak.

"Caruman Perkeso yang sedang dalam rundingan itu amat perlu kerana golongan ini tiada perlindungan hari tua dan sekiranya berlaku kemalangan maut atau kemalangan yang membawa kepada kecacatan kekal, mereka tidak akan mendapat sebarang pampasan dan sekali gus meletakkan keluarga dalam kesempitan hidup," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	35

## Maraton antarabangsa bakal angkat jenama KADA

**PASIR PUTEH** - Penganjur-an maraton peringkat antara-bangsa pada September ini akan menjadi salah satu bentuk penjenamaan baharu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di pentas dunia.

Pengerusi KADA, Senator Datuk Husam Musa berkata, menerusi acara itu nanti, pihaknya akan menonjolkan produk-produk sampingan termasuklah makanan tradisional keluaran petani kepada para peserta dan pelancong yang datang menyaksikan kejohanan tersebut.

"Larian itu akan diadakan di kawasan tali air, bendang dan juga perkampungan yang berada di dalam zon KADA.

"Kita akan adakan program ini secara komprehensif dan mana-mana kampung terlibat akan diberikan peruntukan untuk kerja-kerja mengindahkan kawasan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita ketika ditemui pada majlis solat hajat sempena musim kemarau di rumah Pam Kampung Nara, dekat sini semalam.

Menurutnya, acara itu juga akan digunakan untuk mempromosikan produk terbaharu KADA iaitu padi organik.

Dalam perkembangan lain, Husam berkata, KADA mengalami kerugian sebanyak RM 60,000 selepas peralatan di rumah pam dekat Kampung Nara dicuri.

Katanya, sebagai langkah sementara,

KADA telah menyediakan generator atau jana kuasa sementara untuk mengepam air dari sungai berdekatan masuk ke bendang milik penduduk.

"Kita juga akan tempatkan pengawal keselamatan berlesen di kawasan ini bagi memastikan aset-aset KADA berada dalam keadaan baik," katanya.

**Larian itu akan diadakan di kawasan tali air, bendang dan juga perkampungan yang berada di dalam zon KADA." -Husam**



Sekitar Kempen PRK **Parlimen Kimanis**

# Sampaikan seluas mungkin siri kejayaan kerajaan



**Salahuddin ketika berucap dalam program pilihan raya anjuran Wanita PH.**

Oleh **ARIF ATAN**

**T**IMBALAN Presiden AMANAH, **Datuk Seri Salahuddin Ayub** menyeru agar peluang kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) **Parlimen Kimanis** sehingga 18 Januari ini diisi dengan penerangan berkaitan kejayaan kerajaan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tersebut berkata, pencapaian di peringkat Persekutuan dan negeri perlu disampaikan kepada akar umbi di kawasan yang mempunyai 29,664 pengundi itu.

"Pada PRK **Parlimen Kimanis** ini, pengundi wanita merangkumi hampir 50 peratus daripada keseluruhan jumlah pengundi dan mereka haruslah disantuni.

"Penerangan berkesan akan siri-siri kejayaan yang telah kerajaan pusat dan negeri lakukan haruslah disampaikan seluas mungkin," katanya ketika berucap dalam program jentera pilihan raya anjuran Wanita **Pakatan Harapan (PH)**. Salahuddin turut memberikan kata-kata semangat kepada jentera Wanita PH untuk bekerja keras memenangi hati pengundi.

**Pemuda AMANAH bersemuka berbincang dengan Datuk Karim Bujang.**

"Dalam konteks MOA, kita telah melancarkan pelbagai program dalam meningkatkan pendapatan wanita antaranya Program **Agro Nisa'i** dan bantuan modal perniagaan untuk kaum wanita melakukan perniagaan kecil-kecilan," ujar Ahli **Parlimen Pulau Iu**.

Sementara itu, Pengarah Pilihanraya Pemuda **AMANAH Nasional, Asmaaliff Abdul Adam** memberitahu Pemuda **AMANAH** akan menumpukan gerak kerja di **PDM Seladan**.

Pada 6 Januari lalu, beliau berkata, penduduk tempatan memberi sambutan

yang agak membrangiskan semasa ceramah kelompok **PDM Seladan** yang dihadiri Presiden **Warisan, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal**.

Pemuda **AMANAH** juga telah melakukan kunjungan hormat ke Pejabat **Warisan Bahagian Kimanis** membincangkan usaha menggiatkan lagi aktiviti kempen bersama calon **Datuk Karim Bujang**.

Sayap **AMANAH** itu turut bermesyuarat dengan **Wira Warisan** iaitu sayap pemuda parti tersebut untuk menyelaraskan gerak kerja bersama dalam menyantuni pemuda di **Kimanis**.





# Jamin bekalan makanan tetap ada jika dilanda krisis



PERSPEKTIF

AMIR JALAL

Jumlah penduduk dunia dijangka meningkat kepada 9.7 bilion pada tahun 2050 - peningkatan 2 bilion manusia untuk 30 tahun mendatang - dan bekalan makanan sedunia dijangka akan berkurangan.

Mentelah lagi, laporan daripada Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (Intergovernmental Panel on Climate Change, IPCC) meramalkan penurunan 2 hingga 6 peratus hasil tanaman global setiap dekad.

Ini bermakna berjuta-juta ekar tanah tidak lagi boleh digunakan untuk pertanian setiap tahun disebabkan cuaca tidak menentu, kemarau, banjir, taufan, serangan serangga dan simptom lain daripada perubahan iklim - satu cabaran yang amat hebat dalam sektor pertanian negara.

Namun, ia boleh dilihat sebagai pemangkin kepada transformasi ke arah pertanian moden di dalam menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun-tahun mendatang.

Pertanian merupakan antara sektor yang penting dan penekanan terhadap sektor ini membantu dalam mengukuhkan sekuriti makanan negara selain mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Sekuriti makanan harus menjadi fokus utama dan segera dalam kita melangkah masuk ke tahun 2020.

Seperi yang ditakrifkan oleh Pertubuhan

an Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sekuriti makanan meliputi empat dimensi - ketersediaan, ketercapaian, permainan dan kestabilan makanan.

Sekuriti makanan ini kukuh apabila semua orang, pada setiap masa, mempunyai akses kepada makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat serta mempunyai pilihan makanan yang membolehkan mereka mengikuti gaya hidup sihat dan aktif.

Selain ayam, Malaysia mengimport hampir semua jenis makanan mentah daripada seluruh dunia.

Jika berlaku krisis makanan yang melampau, sekuriti makanan inilah yang akan menyelamatkan rakyat Malaysia, bukannya bangunan pencakar langit ataupun pertelagahan politik yang tidak berkesudahan berdasarkan kaum dan agama (identity politics).

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, jika terjadi krisis makanan dunia, Malaysia hanya boleh bertahan selama dua hari sahaja, berbanding China dan negara jiran Thailand yang boleh hidup dengan makanan tempatan selama enam hingga lapan bulan.

Dalam mencari penyelesaian kepada sekuriti makanan negara, tanah merupakan elemen penting yang diperlukan untuk menghidupkan peluang ini. Malaysia sangat bertuah kerana berada berdekatan dengan kawasan beriklim Khattulistiwa.

Dengan lokasinya terletak di kawasan Asia Tenggara, Malaysia jarang sekali terjejas oleh ribut taufan atau kemarau berpanjangan. Cuaca panas dan lembap

sepanjang tahun menjadikan tanah di Malaysia sangat sesuai untuk pertanian, walaupun terdapat beberapa tempat banjir ketika musim tengkujuh.

Galakan kerajaan terhadap golongan petani untuk menguruskan tanah terbiar perlu dipergiatkan, selain mengurangkan pembayaran cukai tanah kepada orang yang mengerjakan pertanian. Ia secara tidak langsung dapat mengurangkan beban dan kos kepada para petani.

## Pertanian

Dasar Pandang ke Timur yang melibatkan negara Jepun dan Korea Selatan boleh memberikan kesan positif dalam sektor pertanian. Sistem pertanian hidroponik sebagai contoh yang digunakan secara besar-besaran dan meluas oleh negara Jepun untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan mereka, boleh digunakan setelah diadaptasi kepada keadaan Malaysia.

Sistem pertanian hidroponik ini menggunakan kaedah susunan menegak dan secara bertingkat (*vertical farming*). Ini dapat memberi jumlah cahaya dan nutrisi yang lengkap kepada tumbuhan selain dapat mengurangkan penggunaan air berbanding pertanian tradisional.

Tanpa memerlukan tanah yang luas untuk beroperasi, teknik pertanian itu memberi pulangan yang lumayan, bersih, bebas racun perosak dan dengan sokongan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), ia dapat mengurangkan beban tenaga petani moden seterusnya dapat menarik golongan belia untuk menceburi bidang pertanian.

Itu selaras dengan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) yang diper-

Cuaca panas dan lembap sepanjang tahun menjadikan tanah di Malaysia sangat sesuai untuk pertanian, walaupun terdapat beberapa tempat banjir ketika musim tengkujuh."

kelankan untuk menjamin kualiti dan keselamatan makanan melalui kempen dan pensijilan amalan perladangan yang baik.

Amalan Pertanian yang Baik (APB) telah menetapkan satu kepiawaian dan undang-undang atau peraturan bagi mengawal dan mengurangkan risiko serta impak yang memudaratkan terhadap aktiviti pengeluaran pertanian merangkumi keselamatan makanan, mesra alam sekitar, bebas pencemaran dan kesuburan tanah.

Tahap Ketidakbergantungan (SSL) merupakan kayu ukur sejauh mana sebuah negara mampu untuk hanya bergantung kepada produk makanan tempatan berbanding produk makanan yang diimport. Semakin tinggi SSL, semakin berkurang kebergantungan kepada produk import.

Melabur dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) khususnya dalam bidang pertanian moden merupakan salah satu langkah yang boleh diambil untuk mewujudkan lebih banyak variasi kacukan idea dalam industri itu. R&D dapat memberi impak positif dalam usaha mencapai SSL lebih tinggi.

Selain itu, sebagai negara yang sebahagian besarnya terdiri daripada umat Islam, Malaysia berpotensi menjadi hab makanan halal yang terbesar di rantau Asia. Walaupun hab makanan halal terbesar kini dikuasai oleh Thailand, Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Malaysia menjadi pilihan seluruh dunia.

Tidak ada yang boleh menghalang Malaysia untuk menjadi kuasa besar dalam sektor pertanian.

Denmark separuh daripada tanahnya digunakan untuk pertanian manakala Belanda pakar dalam menanam dan mengeksport puluhan ribu bunga setiap tahun dan Jepun pula mengeluarkan beras yang terbaik di dunia.

Lebih banyak penyelidikan dan pemerhatian yang mendalam harus diutamakan demi meningkatkan keselamatan dan sekuriti makanan di Malaysia sekiranya krisis melanda.

Sejajar dengan peribahasa sediakan payung sebelum hujan, kita perlu memulakan usaha murni ini dari sekarang agar bila bencana atau krisis melanda negara kita, keselamatan dan sekuriti makanan bagi 32 juta rakyat Malaysia tetap terjamin.

\*Amir Jalal ialah Pegawai Penyelidik di EMIR Research, sebuah organisasi pemikir bebas yang berfokuskan kepada pencermatan saranan-saranan dasar strategik berteraskan penyelidikan yang terperinci, konsisten dan menyeluruh

# Lewat agih subsidi pesawah rugi RM4.5 juta

Oleh MUHAMED  
NORAZIHA ABDULLAH

**KUALA LUMPUR:** Berikutan kelewatan pengagihan subsidi benih padi daripada kerajaan menyebabkan pesawah mengalami kerugian RM4.5 juta.

Ahli Parlimen Setiu, Shaharizukirnain Abdul Kadir terkiln dalam hal tersebut kerana isu kelewatan pengagihan benih padi telah disuarakan sebelum ini di Dewan Rakyat.

Beliau tidak menyangka apa yang dirisaukan sebelum ini benar-benar berlaku hari ini menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kerugian.

"Saya cukup terkiln dengan isu pesawah yang kerugian RM4.5 juta disebabkan oleh kelewatan pengagihan benih padi sedangkan mereka amat bergantung kepada subsidi benih padi yang diberi-



Shaharizukirnain Abdul Kadir.

kan oleh Kerajaan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Asas Padi seharusnya memastikan benih padi yang disalurkan benar-benar sampai kepada pesawah tepat pada masanya," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, kelewatan pengagihan benih padi memberi impak yang besar bukan sahaja kepada pesawah malah kepada hasil pengeluaran beras negara.

Jelasnya, para pesawah kini bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan bekalan, malah bekalan yang diterima juga kurang berkualiti turut membawa implikasi negatif kepada hasil beras tempatan.

"Saya khuatir perkara ini memberi kesan kepada sasaran Kerajaan bagi meningkatkan tahap sara diri beras atau SSL negara.

"Berdasarkan jawapan lisan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada sidang Dewan Negara baru-baru ini, tahap sara diri beras masih pada paras 70 peratus dan ia agak mustahil untuk mencapai sasaran Kerajaan iaitu 75 peratus bagi tahun 2020 jika isu pengagihan serta penambahbaikan kualiti benih padi tidak diselesaikan," ujarinya.

Shaharizukirnain berkata, pengeluaran padi sepatutnya mencapai 70 peratus hasil beras tempatan dan hanya 30

peratus sahaja adalah beras import.

Namun menurutnya, kualiti beras tempatan yang semakin berkurang mendorong kepada permintaan beras import yang lebih tinggi.

Berikutan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seharusnya bertanggungjawab terhadap isu kelewatan pengagihan benih dengan segera memberi pampasan kepada pesawah bagi menampung kerugian yang dialami.

Beliau meminta supaya kerajaan lebih prihatin terhadap isu para pesawah dengan segera membendung masalah agihan benih padi dan segera mencari inisiatif baru bagi meningkatkan kualiti benih padi.

Hal ini supaya kebergantungan beras import dapat dikurangkan sekaligus dapat membantu para pesawah meningkatkan hasil pendapatannya.

Memetik laporan berita Sinar Harian 7 Januari lalu, kira-kira 2,000 petani di Padang Selatan mengalami kerugian kira-kira RM4.5 juta apabila padi yang diusahakan mereka di 1,400 hektar sawah padi gagal mendapat bekalan air mencukupi.

Kerugian didakwa berpunca daripada benih padi yang tiba lewat hampir sebulan selain musim kemarau yang bermula awal pada hujung Disember lalu.



# Politik kotor PAN dan Menteri Pertanian

Oleh AZIZ MUDA

**P**ERSIDANGAN Dewan Rakyat yang berlangsung pada 23 Disember lalu telah dipendengar dengan serangkap pantun menarik yang berbunyi, "Gunung Jerai cantik dipandang, Sawah padi luas terbentang, Bajet 2020 selesai dibentang, Tunakan janji usahalah temberang."

Pantun tersebut telah diungkapkan oleh Ahli Parlimen PAS dari Jerai, Ustaz Sabri Aziz ketika memulakan ucapan perbahasannya sewaktu mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2020 yang bertema 'Memacu pertumbuhan dan keberhasilan saksama ke arah kemakmuran bersama', yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng di Dewan Rakyat 11 Oktober lalu.

Menurut beliau, sebelum berbicara soal Belanjawan 2020, perlu disingkap kembali Belanjawan 2019 yang bertema 'Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera' terlebih dahulu, untuk dinilai kembali sejauh mana pencapaiannya. Adakah kini Malaysia kian berwibawa. Adakah keadaan ekonomi Malaysia semakin cerah atau semakin parah. Adakah rakyat semakin sejahtera di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH) sekarang.

Katanya, suka atau tidak, hakikatnya rakyat tidak pun dapat merasa nikmat keindahan di bawah pentadbiran Kerajaan Malaysia Baharu. Nasib hidup mereka kian suram, sesuram saja malam. Kos sara hidup, harga barang terus naik, walau dijanjikan harga akan turun apabila GST dimansuhkan. Nasib petani, pesawah, nelayan, penoreh getah, peneroka masih tidak terbelak.

"Saya sebagai Ahli Parlimen dari negeri jelapang padi ingin menyuarakan keluhan hati pesawah. Mereka mengadu masalah menunggu benih padi yang sah masih belum kunjung tiba sejak dua bulan yang lalu. Bekalan yang sudah dihantar pembekal masih belum mencukupi untuk mengerjakan sawah."

"Saya menuntut penjelasan Kementerian Pertanian berkenaan isu ini. Adakah ia kerana wujud unsur monopoli syarikat sehingga gagal memenuhi bekalan permintaan yang diperlukan?" katanya dengan mendesak Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menamakan syarikat tersebut.

Beliau mendedahkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Mohd Salahuddin Hasnan berjanji pada 30 September 2019 lalu bahawa isu kekurangan bekalan itu akan dapat diselesaikan pada minggu ini juga.



Manakala Menteri Pertanian sendiri pula ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh beliau di Dewan Rakyat baru-baru ini telah mendedahkan punca masalah itu ialah apa-

**“Saya sebagai Ahli Parlimen dari negeri jelapang padi ingin menyuarakan keluhan hati pesawah. Mereka mengadu masalah menunggu benih padi yang sah masih belum kunjung tiba sejak dua bulan yang lalu. Bekalan yang sudah dihantar pembekal masih belum mencukupi untuk mengerjakan sawah. Saya menuntut penjelasan Kementerian Pertanian berkenaan isu ini. Adakah ia kerana wujud unsur monopoli syarikat sehingga gagal memenuhi bekalan permintaan yang diperlukan.”**

- USTAZ SABRI AZIZ

bila ada syarikat pembekal gagal membekalkan benih padi kerana menghadapi masalah penyimpanan.

"Pesawah pula menjadi mangsa akibat kegagalan syarikat. Saya berharap tindakan yang tegas diambil terhadap mana-mana syarikat yang telah terbukti gagal dan tidak mampu melaksanakan kontrak yang sudah diberikan," tegasnya sambil mendesak Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan status pelaksanaan perkara itu.

## Pengkhianatan terhadap Pertubuhan Peladang

Meneruskan perbahasannya, Ustaz Sabri berkata sebelum ini apabila disebut isu monopoli, beliau leringat kepada pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kira-kira sebulan selepas PRU ke-14 pada 6 Jun 2018 bahawa monopoli Syarikat Padiberas Nasional (BERNAS) sebagai pengeluar beras negara akan dihentikan.

Jadi, beliau ingin tahu, apakah status pelaksanaan penamatan monopoli itu. Apakah kerajaan PH berhasrat mengembalikan semua peranan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sebagai penjaga industri padi dan beras

tempatan. Isu ini amat penting kerana ia melibatkan isu sekuriti makanan negara dan kebajikan pemain industri termasuk petani, pengilang serta rakyat sebagai pengguna akhir.

Menurut beliau, rakyat tidak mahu kerajaan PH yang ada sekarang menjadi seperti dikus membakli labu. Petani amat mengharapkan pembelaan terhadap nasib mereka apabila monopoli dipecahkan, namun jangan pula nasib mereka diabaikan apabila pemain baru industri padi masuk ke gelanggang.

tanpa persetujuan ahli. Mengapa kini lantikan seramai lima orang Ahli Jemaah Pengarah AJP PPN dibuat secara terus oleh Menteri. Manakala, hanya empat lagi dipilih dalam kalangan ahli dalam mesyuarat agung.

"Demokrasi jenis apa yang dibawa oleh Menteri? PPN turut mempersoalkan keputusan Mesyuarat Agung NAFAS sebelum ini yang memutuskan pembayaran elaun kepada Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan AJP yang dibuat secara tetap setiap bulan. Tindakan ini secara

ran Jawi di sekolah agar dipanjangkan masa pengajaran Jawi sehingga satu jam untuk satu minggu, memandangkan pengajaran Jawi di sekolah rendah sekarang hanya diberi masa setengah jam sahaja seminggu yang jelas tidak mencukupi.

"Manakala program kerajaan harus memanfaatkan Munsyi Dewan Jawi yang sekarang ini seramai 51 orang agar program Klinik Jawi dan Kursus Pengkajaan Tulisan Jawi dapat diperbanyakkan lagi.

"Cuma saya terkilan, saya sendiri sebagai Munsyi Dewan (Jawi) Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mula dihalang daripada menjadi tenaga pengajar kursus tersebut bukan oleh DBP, tetapi oleh KPM kerana saya menjadi Ahli Parlimen pembangkang. Atas semangat Malaysia baharu sepatutnya pemikiran songsang sekatan atas sebab politik wajar dihentikan. Jikalau tidak, tidak ada bezanya Malaysia baharu dengan Malaysia yang dahulu," katanya.

Sebelum menamatkan perbahasannya, beliau turut membawa suara hati guru mata pelajaran Islam yang memohon agar peruntukan untuk kegiatan pendidikan Islam dan moral ditingkatkan. Dalam keadaan suasana cabaran masalah sosial yang kian parah, pendidikan agama yang secukupnya kepada para pelajar amat diperlukan agar ia menjadi benteng yang kukuh dalam jiwa anak-anak pelajar.

"Saya juga ingin tahu sejauh manakah program Kafa dan JOAF dipraktikkan secara amali di sekolah. Sebagai contoh, amalan solat berjemaah. Apakah pendirian KPM terhadap sekolah yang mewajibkan pelajarinya solat terlebih dahulu sebelum pulang ke rumah," kata beliau.

Isu bebanan tugas guru di sekolah yang dibebankan dengan kerja pentadbiran turut dibangkitkan oleh beliau agar diselesaikan dengan segera oleh Kementerian Pendidikan, memandangkan tugas hakiki mereka mengajar dan mendidik.

Di samping itu, beliau juga turut mengambil kesempatan menyentuh isu menaikkan elaun kepada guru yang menjadi warden asrama, isu guru yang menjadi mangsa akibat disaman ratusan ribu oleh ibu bapa, isu buli di sekolah, dan isu masa yang amat pendek serta mutu siaran langsung sidang Parlimen yang tidak memuaskan di RTM dan TM, Uni-FITV TM, channel 633. Kesemua itu perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan.



jeles telah melanggar akta pertubuhan itu kerana ia sepatutnya diputuskan oleh Pendaftar Lembaga Pertubuhan Peladang," katanya.

Pada hal dalam kerajaan sebelum ini, katanya, mereka yang dilantik ke jawatan berkenaan menerima elaun secara tidak tetap dan mereka masuk dalam Peladang untuk membantu Peladang. Pendaftar LPP yang akan memutuskan berapa jumlah elaun yang harus dibayar berdasarkan keuntungan.

## Pelaksanaan Jawi di sekolah

Menyentuh tentang pelaksanaan tulisan Jawi, beliau menyambut baik hasrat murni Menteri Pendidikan yang menyebut ruang penulisan tulisan Jawi akan disediakan dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dengan harapan agar mekanisme pelaksanaan itu akan diperkemas lagi agar terbitan majalah Tamadun Islam, Tunas Cipta dan Dewan Pelajar terbitan DBP dapat disebar luaskan lagi kepada semua sekolah tanpa mengira jenis sekolah.

Selain itu, beliau memohon Kementerian Pendidikan mengkaji semula pelaksanaan pelaja-